

12 JUN 2001

Ikim-Radio

RADIO IKIM FM MULA SIARAN PERCUBAAN HARI INI

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) hari ini memulakan siaran ujian radionya, "Radio IKIM FM".

Pengerusi IKIM Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Halim berkata siaran percubaan itu yang boleh diikuti pendengar di Lembah Klang menerusi frekuensi 91.5FM, adalah satu lagi usaha IKIM dalam meninggikan syiar Islam di negara ini secara lebih berkesan.

Ahmad Sarji berkata radio itu beroperasi 24 jam menggunakan perkhidmatan Celcom Broadcast Services.

Beliau berkata perkhidmatan radio menggunakan transmisi digital dari studionya di kompleks IKIM, Jalan Duta, ke 11 stesyen pemancar di seluruh negara membabitkan kos RM10 juta bagi pembelian peralatan dan pengambilan kakitangan tambahan.

Katanya program radio IKIM merangkumi pelbagai topik dalam bidang undang-undang, syariah, sains, teknologi, alam sekitar dan kesihatan yang kesemuanya menjurus kepada pandangan sejagat Islam.

"Pertama, ia bercirikan ilmu pengetahuan, kedua mencetus minda dan ketiga menyentuh hati nurani manusia iaitu pancaindera pendengaran seperti unsur muzik," katanya kepada pemberita di kompleks IKIM di sini hari ini.

Ahmad Sarji berkata IKIM memerlukan kira-kira sejuta ringgit untuk membiayai kos operasi radio IKIM dan satu punca pendapatannya akan diperolehi menerusi pembiayaan iklan.

Radio IKIM akan dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Julai depan apabila ia dipancar ke seluruh negara.

IKIM telah melantik syarikat pengendali perkhidmatan telefon mudahalih, Celcom (M) Sdn Bhd, bagi menyediakan perkhidmatan rangkaian dan infrastruktur untuk perkhidmatan radio itu bagi tempoh perjanjian selama 10 tahun.

Pada majlis itu, IKIM diwakili Ketua Pengarahnya Datuk Dr Ismail Ibrahim manakala Naib Presiden Eksekutif kumpulan TRI/Celcom, Bistamam Ramli mewakili Celcom.

Acara menandatangani perjanjian tersebut disaksikan oleh Ahmad Sarji dan Pengerusi/Ketua Eksekutif TRI/Celcom Tan Sri Tajudin Ramli.

-- BERNAMA

KLS RV ZS LAT